

28/09/1999

Karpal minta hakim tarik diri

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Pembela kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja mengemukakan permohonan supaya Hakim Datuk Ariffin Jaka menarik diri daripada mendengar kes itu.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh berkata permohonan itu dibuat kerana kegagalan Ariffin memberitahu beliau pernah mempunyai pertalian perniagaan dengan Mirzan Mahathir, anak lelaki Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Ariffin sepatutnya memberitahu pembela dan pendakwa dalam kes itu, pembabitan beliau dalam Dataprep Holdings Bhd (DHB), syarikat dikuasai Mirzan sebelum perbicaraan bermula lagi.

Karpal mengemukakan dokumen mengenai pembabitan Ariffin dalam DHB dan saham sebanyak 87,940 yang dimilikinya ketika menjadi pengarah syarikat berkenaan pada 1990.

Bagaimanapun, mengikut dokumen berkenaan Ariffin ketika itu adalah seorang peguam cara dan peguam bela serta belum lagi dilantik Hakim Mahkamah Tinggi.

Ariffin memberitahu Karpal dokumen yang beliau miliki itu tidak lengkap kerana mengikut dokumen yang ada dalam simpanan Pendaftaran Syarikat butiran mengenai syarikat itu sudah dikemaskinikan.

Karpal berkata, beliau membangkitkan perkara itu kerana kini timbul syak Ariffin mungkin berat sebelah.

Katanya, prinsip keadilan bukan saja perlu ditegakkan tetapi perlu dinyatakan dan diucapkan.

Karpal berkata, pelantikan Ariffin sebagai hakim dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu mahkamah pendakwa terkejut dengan tindakan Karpal mengemukakan permohonan itu pada peringkat ini.

Katanya, tindakan itu tidak menggambarkan semangat seorang pegawai mahkamah tetapi lebih kepada tindakan jahat pembela.

Beliau berkata, semua hakim yang dilantik perlu melepaskan pegangannya dan meletak jawatan dalam syarikat yang beliau terbabit.

Mohtar berkata, pertalian perniagaan Ariffin dengan Mirzan tidak ada kaitan dengan kes yang sedang dibicarakan kerana Mirzan dan DHB tidak terbabit.

Katanya, Dr Mahathir yang juga ketua kepada eksekutif negara ini dan bapa kepada Mirzan bukan pihak yang terbabit dalam perbicaraan kes berkenaan.

Karpal bangun dan mencelah: Jika tertuduh dipanggil untuk membela diri, kami akan memanggil Dr Mahathir sebagai saksi pembela.

Berhubung dakwaan pelantikan Ariffin atas nasihat Perdana Menteri, Mohtar berhujah berdasarkan kesimpulan yang boleh diterima akal, semua hakim di negara ini tidak boleh mendengar kes yang membabit Perdana Menteri dan keluarganya.

Beliau berkata, pertalian Ariffin dengan Mirzan dalam DHB tidak ada kaitan langsung dengan kes yang dibicarakan dan tidak timbul kemungkinan hakim berkenaan berat sebelah.

Sehubungan itu, beliau memohon supaya permohonan itu ditolak. Karpal akan menjawab hujah itu esok.

Sementara itu, Ariffin tidak membenarkan seorang jururawat Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) untuk mengawasi Datuk Seri Anwar

Ibrahim ketika perbicaraan diadakan hari ini.

Katanya, kehadiran jururawat itu memberi tanggapan bahawa Anwar tidak sihat dan tidak layak untuk menghadirkan diri dalam perbicaraan kes liwatnya hari ini.

Ariffin berkata, beliau berpuas hati dengan keterangan Pengarah dan Profesor Perubatan HUKM, Datuk Dr Khalid Abdul Kadir bahawa Anwar layak untuk hadir ke mahkamah.

Sebelum itu, Ariffin juga mendengar keterangan Dr Khalid berhubung kehadiran jururawat dan kesihatan Anwar.

Bagaimanapun, pada jam 1.15 petang ketika mahkamah mendengar hujah Mohtar berhubung satu permohonan daripada pembela, peguam bela Anwar, Christopher Fernando memberitahu mahkamah anak guamnya mengadu sakit.

Ariffin menangguhkan perbicaraan pagi esok untuk mendengar hujah balas Karpal dan beliau memberitahu pembela dan pendakwa hujah perlu diselesaikan sebelum hujung minggu ini.

(END)